



JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK,
JALAN DIPLOMATIK OFF JALAN BAKO,
93050 PETRA JAYA,
KUCHING, SARAWAK,
MALAYSIA

Telefon : 082-473200
Faks : 082-443053 (Pejabat Pengarah)
: 082-443075 (Pejabat Am)
: 082-443066 (Kewangan)
: 082-443033 (Sumber Manusia)

Ruj.Kami : (3) JKNSWK/S/SM-500/5/2
Tarikh : 26 Januari 2018

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/Puan,

PENCALONAN PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG SERTA PINGAT PERINGKAT PERSEKUTUAN, WILAYAH PERSEKUTUAN DAN NEGERI-NEGERI PERSEKUTUAN PERINGKAT KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BAGI PENGANUGERAHAN TAHUN 2019

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Urus Setia Induk Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (IPKKM) kini sedang dalam tindakan untuk mendapatkan pencalonan bagi Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang serta Pingat Peringkat Persekutuan, Wilayah Persekutuan dan Negeri-Negeri Persekutuan sebelum dibawa ke Mesyuarat Pemilihan Pencalonan Anugerah Darjah Kebesaran, Bintang serta Pingat Persekutuan, Wilayah Persekutuan dan Negeri-Negeri Persekutuan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi **Penganugerahan Tahun 2019**.

3. Oleh itu, bersama-sama ini disertakan surat daripada Kementerian Kesihatan Malaysia rujukan **KKM.S.500-4/7/24 Jld.3(83)** bertarikh **19 Januari 2018** yang berketerangan sendiri untuk rujukan dan tindakan pihak tuan / puan.

4. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan dengan **segera** ke Seksyen Sumber Manusia, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak (U.p.: Pn. Angelina Yureka ak Laney) sebelum atau pada **28 Februari 2018 (Rabu)**


5. Adalah dimaklumkan bahawa Panel Penilaian Sumber Manusia peringkat Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak akan bermesyuarat pada **12 Mac 2018 (Isnin)** manakala tarikh penghantaran pencalonan ke Kementerian Kesihatan Malaysia Bahagian Khidmat Pengurusan adalah sebelum atau pada **30 Mac 2018 (Jumaat)**.

6. Kerjasama dan tindakan segera daripada pihak tuan/puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(DR JAMILAH HASHIM) MMC: 27483
Pengarah Kesihatan Negeri Sarawak
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

AYL/-